

608:

MAHATHIR-DADAH

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9.00 MALAM INI)

KUALA LUMPUR, 30 JUN (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, KERAJAAN BIMBANG DENGAN PENYALAH-GUNAAN DADAH SECARA BERLUASAN DI NEGARA INI DAN MEMBERI AMARAN BAHAWA MASALAH ITU MESTI DIAWASI SEBELUM MASYARAKAT MALAYSIA MENJADI +TIDAK SENONOH+.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG BERUCAP DALAM SATU MAJLIS JAMUAN KELAB LIONS KUALA LUMPUR DI SINI MALAM INI BERKATA, PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG BARU YANG MENGENAKAN HUKUMAN MATI KEATAS PENGEDAR-PENGEDAR DADAH MENUNJUKKAN BETAPA BIMBANGNYA KERAJAAN TERHADAP MASALAH ITU.

JAWATANKUASA KABINET YANG DIKETUAINYA SERING MENGADAKAN MESYUARAT UNTUK MENYELARASKAN TINDAKAN TERHADAP KEGIATAN MENYELUDUP DAN MENYALAHGUNAKAN DADAH, MENGESAN DAN MEMBERI RAWATAN, MENANGKAP DAN MENGHUKUM MEREKA YANG MENGGUNAKAN DADAH DAN PENGEDARNYA.

TETAPI, USAHA-USAHA INI AKAN MENJADI SIA-SIA KIRANYA RAKYAT TIDAK MENUNJUKAN MINAT. -BERSAMBUNG 1725/MM

609:

MAHATHIR-DADAH 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

APA YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH ORANG RAMAI TAJAH MENYATAKAN SOKONGAN MEREKA DENGAN MEMBERI MAKLUMAT, MENYERU PENAGIH-PENAGIH DADAH SUPAYA MENDAPATKAN RAWATAN DAN MEMERHATI KEGIATAN ANAK-ANAK

+SOKONGAN MEREKA ADALAH PERLU KIRANYA KITA HENDAK BERJAYA DALAM USAHA MENGHAPUSKAN PENYAKIT MASYARAKAT INI.+  
KATANYA.

MENSIFATKAN PERANAN ORANGRAMAI SEBAGAI PENTING, DR. MAHATHIR BERKATA, SALAH SATU KEGAGALAN DALAM MEMBERI RAWATAN KEPADA PENAGIH-PENAGIH DADAH TAJAH SIKAP IBUBAPA.

KATANYA, ADA IBUBAPA MENYURUH ANAK-ANAK MEREKA LARI DARI PUSAT PEMULEHAN DI IPOH SEMATA MATA UNTUK MENYELAMATKAN WANG. SIKAP SAPERTI INI MENYEBABKAN ANAK-ANAK MEREKA BERBALEK SEMULA KEPADA PERBUATAN YANG TIDAK SEHAT INI DAN RAWATAN YANG DIBERIKAN KEPADA MEREKA ADALAH MEMBAZIR.

BELIAU MENGHUBUNGAN PERBUATAN MENYALAH-GUNAKAN DADAH DENGAN KEJADIAN JENAYAH DAN BERKATA, KIRANYA MASALAH ITU DAPAT DIHAPUSKAN RAKYAT DAPAT MENGHADAPI KEHIDUPAN YANG LEBIH SELAMAT. -BERSAMBUNG 1730/MM

610

MAHATHIR-DADAH 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU MENYERU KELAB-KELAB KEBAJIKAN SAPERTI KELAB LIONS MENOLONG MENGATASI MASALAH YANG SERIOUS ITU, MEREKA HENDAKLAH TURUT MENGAMBIL BAHAGIAN CERGAS DALAM USAHA MEMBERI RAWATAN KEPADA PARA PENAGIH. -BERNAMA 1730/MM